



ALLIANCE BANK

ALLIANCE ISLAMIC BANK

Terma dan Syarat Kempen Best of Both Worlds

1. “Kempen Best of Both Worlds” (“**Kempen**”) yang dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad (“**Bank**”) akan berlangsung dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Mac 2024 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) atau tempoh lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa (“**Tempoh Kempen**”). Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk menerima dan terikat dengan segala Terma dan Syarat tersebut.

KELAYAKAN KEMPEN

2. Kempen ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Kredit Visa dan/atau Pemegang Kad Debit Mastercard Alliance Bank (“**Pemegang Kad yang Layak**”) sedia ada dan baharu dalam Tempoh Kempen.
3. Pemegang Kad yang Layak mesti merupakan pemegang Kad Debit Mastercard Alliance Bank/ Kad Debit Mastercard-i Alliance Islamic Bank (“**Kad Debit/-i**”) yang dipautkan kepada Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i (“**CASA/-i**”) dan/atau Kad Kredit Visa Alliance Bank (“**Kad Kredit**”). Kad Kredit, Kad Debit/-i dan CASA/-i (“**Produk yang Layak**”) mestilah sah, aktif dan pembayaran boleh dibuat di titik transaksi dalam Tempoh Kempen, sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank.
4. Untuk mengelakkan keraguan:
 - a) Bagi Kad Kredit, transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan berhubung dengan Kempen ini akan terakru bagi Pemegang Kad Utama kad tersebut dengan syarat akaun Pemegang Kad Utama yang berkenaan adalah aktif, sah dan mempunyai kedudukan kredit yang baik. Penamatan akaun Kad Tambahan oleh Pemegang Kad Tambahan tidak akan membatalkan kelayakan Pemegang Kad Utama daripada Kempen ini.
 - b) Bagi Kad Debit/-i dan/atau pembayaran DuitNow QR (yang dipautkan kepada CASA/-i individu atau bersama untuk memudahkan transaksi DuitNow QR), transaksi yang dibuat dan penyertaan yang diperolehi menggunakan Kad Debit/-i dan/atau DuitNow QR hanya akan terakru kepada pemegang akaun utama CASA/-i sahaja.
5. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut **TIDAK** layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) Pemegang kad berumur bawah 18 tahun; atau
 - b) Pemegang mana-mana Kad Perniagaan dan/atau Pemegang Kad Kredit Visa/Debit Mastercard/i yang bukan dari Alliance Bank; atau
 - c) Pemegang Kad yang akaunnya dengan Bank adalah dorman atau tidak aktif, ditutup, ditamatkan dan/atau tidak dikendalikan dengan memuaskan; atau
 - d) Pemegang Kad yang telah meninggal dunia, atau individu yang sedang menghadapi sebarang bentuk prosiding undang-undang; atau
 - e) Mana-mana individu lain sebagaimana yang diputuskan oleh Bank untuk dikecualikan menurut dasar dalamannya; atau
 - f) Syarikat Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Organisasi/Persatuan Kebajikan/Bukan Untung, Pelanggan Korporat dan Komersial; atau
 - g) Pekerja tetap dan/atau kontrak ABMB (termasuklah subsidiarinya dan syarikat yang berkaitan), termasuklah ahli keluarga terdekat mereka.

MEKANIK KEMPEN DAN GANJARAN

6. Untuk menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak perlu membelanjakan jumlah kumulatif minimum sekurang-kurangnya RM100 sebulan menggunakan Produk yang Layak untuk memperoleh penyertaan Kempen seperti berikut (“**Transaksi yang Layak**”):
- Setiap perbelanjaan bulanan kumulatif sebanyak RM100 bagi transaksi runcit, transaksi menjamu selera dan pendidikan, transaksi di luar negara dan yang berkaitan dengan pelancongan masing-masing akan memperoleh satu (1), lima (5) dan sepuluh (10) penyertaan dalam Tempoh Kempen dengan menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank.
 - Setiap perbelanjaan bulanan kumulatif sebanyak RM100 bagi transaksi runcit akan memperoleh satu (1) penyertaan, RM100 bagi transaksi pembayaran bil secara automatik dan secara dalam talian akan memperoleh sepuluh (10) penyertaan dalam Tempoh Kempen menerusi penggunaan Kad Debit Mastercard/-i.
 - Setiap perbelanjaan bulanan kumulatif sebanyak RM100 yang dibayar menerusi DuitNow QR yang dibuat daripada CASA/-i dengan mengimbas kod DuitNow QR saudagar menggunakan app mudah alih allianceonline akan memperoleh lima (5) penyertaan dalam Tempoh Kempen.

Jadual A: Kategori Perbelanjaan & Penyertaan Kempen

Kategori Perbelanjaan & Penyertaan Kempen	
a) Kad Kredit	Bilangan Penyertaan
Transaksi runcit	1 Penyertaan
Transaksi menjamu selera dan pendidikan	5 Penyertaan
Transaksi di luar negara dan berkait dengan pelancongan	10 Penyertaan
b) Kad Debit/-i	Bilangan Penyertaan
Transaksi runcit dengan menggunakan Kad melalui Terminal POS	1 Penyertaan
Transaksi runcit Tanpa Kad melalui pembayaran bil secara automatik & secara dalam talian	10 Penyertaan
c) DuitNow QR	Bilangan Penyertaan
POS DuitNow QR dan pembayaran di mana-mana saudagar yang mengambil bahagian	5 Penyertaan

Kategori Perbelanjaan	Kod MCC
Transaksi makan minum	5812, 5813, 5814
Transaksi pendidikan	8211-8299
Transaksi berkait pelancongan	3000-3299, 3500-3999, 4511, 4722, 7011

(i) Pulangan Tunai Bulanan: Pulangan Tunai RM100

7. Pemegang Kad yang Layak akan diberi ganjaran Pulangan Tunai RM100 bagi setiap Pemegang Kad setiap bulan yang memenuhi kriteria Transaksi yang Layak dalam Bulan Kempen sepanjang Tempoh Kempen. Setiap Pemegang Kad yang Layak hanya boleh menerima satu (1) Pulangan Tunai Bulanan bagi setiap Bulan Kempen dan sejumlah enam (6) Pulangan Tunai Bulanan sepanjang Tempoh Kempen.

Jadual B: Pulangan Tunai Bulanan

Ganjaran Bulanan	Bilangan Pemenang Bulanan	Had Bulanan	Jumlah Had Sepanjang Tempoh Kempen
Pulangan Tunai RM100	400	RM40,000	RM240,000

(ii) Ganjaran Utama: Menangi Bahagian Anda

8. Pemegang Kad yang Layak yang memenuhi kriteria Transaksi yang Layak **dengan jumlah minimum penyertaan terkumpul sebanyak 80 penyertaan sepanjang Tempoh Kempen** akan menerima satu (1) unit Ganjaran Utama. Dalam Tempoh Kempen, setiap Pemegang Kad yang Layak hanya boleh menerima satu (1) unit Ganjaran Utama.

Jadual C: Ganjaran Utama

Peringkat Hadiah	Huraian Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Percutian ke Maldives untuk 2 orang Percutian 4H3M (termasuk tiket penerbangan pergi balik) dengan penginapan di Club Med Kani Resort - Maldives	3
Hadiah Pertama	Dyson V12 Detect Slim Absolute	5
Hadiah Kedua	Dyson Purifier Cool™ Gen1 TP10	15
Hadiah Ketiga	Nintendo Switch OLED	10

9. Transaksi yang Layak **TIDAK TERMASUK** yang berikut:
- Transaksi yang dibatalkan, dibalikkan/dikembalikan, dipertikaikan, tanpa kebenaran dan/atau dibuat secara penipuan pada bila-bila masa; dan/atau
 - Fi pendahuluan tunai atau pengeluaran tunai, Program Pemindahan Baki, Tunai Segera, Pelan Ansuran Tunai, pembayaran bil melalui perbankan internet, transaksi JomPay, transaksi FPX; transaksi kuasi tunai, fi tahunan, fi bayaran lampau tempoh, faedah, caj pembiayaan; dan/atau sebarang program perkongsian khas; dan/atau
 - Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad yang Layak dengan mana-mana saudagar yang merupakan sekutunya atau dikawal olehnya (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemilik, rakan niaga, pemegang saham atau pengarah), iaitu transaksi oleh Pemegang Kad yang Layak dengan mana-mana syarikat atau entiti perniagaan di mana dia merupakan pekerja atau majikan atau bekerja dengan entiti tersebut atau mempunyai saham atau kepentingan atau merupakan pengarah di syarikat atau entiti tersebut; dan/atau
 - Transaksi yang melibatkan Kod Kategori Saudagar ("MCC") di bawah:

Transaksi/Fi dan Caj	Kod MCC dan Huraian
Transaksi runcit yang dibuat/pembayaran yang dibuat kepada mana-mana Agensi/Badan Kerajaan bagi perkhidmatan	9211 – Kos Mahkamah termasuklah Alimoni dan Anak
	9222 – Denda
	9223 – Pembayaran Jaminan dan Bon
	9311 – Pembayaran cukai
	9399 – Perkhidmatan Kerajaan
	9402 – Perkhidmatan pos – Kerajaan sahaja
	9405 – Pembelian Intra-Kerajaan – Kerajaan sahaja

Pembayaran kepada organisasi kebajikan/perkhidmatan sosial	8398 - Organisasi Kebajikan dan Perkhidmatan Sosial
Transaksi Kuasi Tunai	7995 – Transaksi Perjudian
Pembayaran Insurans	5960 – Pemasaran Langsung – Perkhidmatan Insurans
	6300 – Penajajaminan, Premium Insurans
Tambah nilai e-dompet	6540 – Institusi Bukan Kewangan – Nilai Tersimpan Pembelian/penambahan Nilai Kad

(e) Lain-lain Transaksi yang Layak yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

10. Peletakan kategori Saudagar dan MCC bagi setiap saudagar dilaksanakan oleh bank pemeroleh saudagar yang berkenaan dan adalah menjadi tanggungjawab bank tersebut untuk memperuntukkan kategori Saudagar dan MCC yang tepat. Sekiranya Pemegang Kad yang Layak tidak memenuhi kriteria Transaksi yang Layak disebabkan oleh peruntukan kategori Saudagar dan MCC yang salah oleh bank pemeroleh, sila ambil perhatian bahawa Bank tidak bertanggungjawab atas percanggahan tersebut yang merupakan di luar kawalan Bank.
11. Tempoh penyertaan Kempen adalah seperti berikut:

Ganjaran Kempen	Bulan Penyertaan Kempen (“Bulan Kempen”)	Tempoh Penyertaan Kempen
Pulangan Tunai Bulanan	Oktober 2023	1 Oktober 2023 – 31 Oktober 2023
	November 2023	1 November 2023 – 30 November 2023
	Disember 2023	1 Disember 2023 – 31 Disember 2023
	Januari 2024	1 Januari 2024 – 31 Januari 2024
	Februari 2024	1 Februari 2024 – 29 Februari 2024
	Mac 2024	1 Mac 2024 – 31 Mac 2024
Ganjaran Utama	Oktober 2023 sehingga Mac 2024	1 Oktober 2023 – 31 Mac 2024

PENUNAIAN KEMPEN

12. **Proses Penunaihan Kempen dan Pemilihan Pemenang bagi Pulangan Tunai Bulanan** adalah seperti berikut:
- Pemegang Kad yang Layak akan disenarai pendek melalui proses pemilihan secara rawak yang dijana oleh komputer bagi Pulangan Tunai Bulanan.
 - Pulangan Tunai Bulanan akan dikreditkan kepada Produk yang Layak yang dilanggan oleh Pemegang Kad yang Layak dalam masa empat (4) bulan selepas tamat setiap Bulan Kempen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual D (“**Tempoh Penunaihan**”).
 - Produk yang Layak mestilah sah, aktif (tidak dormant, ditutup atau ditamatkan) dan mempunyai kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank, untuk melayakkan diri mengambil bahagian dan memperoleh Pulangan Tunai Bulanan.
 - Pemegang Kad yang Layak akan dimaklumkan oleh Bank melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) atau e-mel atau pemberitahuan automatik app mudah alih allianceonline atau panggilan menggunakan maklumat perhubungan terkini yang terdapat dalam sistem dan/atau rekod Bank setelah Pulangan Tunai Bulanan dikreditkan ke dalam Produk yang Layak bagi Pemegang Kad yang Layak.
 - Bagi sebarang transaksi atau pembayaran yang kemudiannya dibatalkan, menjadi tidak sah atau dibalikkan dalam Bulan Kempen yang sama, pelarasan yang berkenaan akan dibuat. Sekiranya pelarasan tidak dibuat, Bank berhak menuntut kembali amaun Pulangan Tunai Bulanan yang telah dikreditkan.

13. **Proses Penunaian Kempen dan Pemilihan Pemenang bagi Ganjaran Utama** adalah seperti berikut:
- Pemegang Kad yang Layak akan disenarai pendek melalui proses pemilihan secara rawak yang dijana oleh komputer bagi Ganjaran Utama.
 - Pemilihan Pemegang Kad yang Layak akan dibuat selepas tamat Tempoh Kempen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual D ("**Tempoh Penunaian**").
 - Pemegang Kad yang Layak yang disenarai pendek untuk Ganjaran Utama akan dihubungi oleh wakil Bank melalui panggilan menggunakan maklumat yang direkodkan dalam sistem Bank dalam masa empat (4) bulan selepas tamat Tempoh Kempen untuk melaksanakan pengesahan ringkas dan untuk mengesahkan butiran bagi tujuan serahan.
 - Sekiranya Pemegang Kad yang Layak yang disenarai pendek tersebut tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) cubaan (dalam waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat) atau gagal menyempurnakan proses pengesahan pada hari yang sama atas apa juga sebab dan/atau Pemegang Kad yang Layak yang disenarai pendek tersebut ingin menarik diri daripada Kempen setelah dihubungi oleh wakil Bank, Bank berhak membatalkan kelayakan Pemegang Kad yang Layak yang telah disenarai pendek tersebut dan akan memilih peserta layak yang seterusnya.
 - Bank mungkin mendedahkan atau menerbitkan nama dan empat (4) digit terakhir nombor pengenalan Pemegang Kad yang Layak yang disahkan sebagai pemenang ("**pemenang**") di media, bahan pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Kempen ini ("**Pengumuman Pemenang**").
 - Bank tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menghantar Ganjaran Utama tersebut ke alamat di luar negara, pihak ketiga dan/atau alamat peti surat.
 - Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau sekiranya Ganjaran Utama tidak diterima, Pemegang Kad yang Layak perlu menghubungi Pusat Perhubungan Bank (03-5516 9988) selewat-lewatnya pada 31 Julai 2024. Sebarang pertanyaan selepas 31 Julai 2024 tidak akan dilayan.
 - Ganjaran Utama, model, waranti dan/atau warna hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaannya. Dalam situasi yang tidak diduga, Bank berhak menggantikan item tersebut dengan item lain yang mempunyai nilai yang setara atau lebih tinggi.
 - Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat sebarang pernyataan atau waranti berhubung dengan kualiti atau kesesuaian Ganjaran Utama (termasuklah tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Ganjaran Utama tersebut dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Ganjaran Utama yang hilang, dicuri atau rosak).
 - Bank tidak memberi jaminan atau bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kecederaan yang disebabkan oleh penggunaan Ganjaran Utama serta tidak membuat pernyataan berkenaan kualiti atau kesesuaian Ganjaran Utama tersebut bagi sebarang tujuan.

Jadual D: Tempoh Penunaian

Kategori	Bulan Penyertaan Kempen (" Bulan Kempen ")	Tempoh Penunaian
Ganjaran Utama	Oktober 2023 hingga Mac 2024	Sebelum 31 Julai 2024
Pulangan Tunai Bulanan	Oktober 2023	Sebelum 29 Februari 2024
	November 2023	Sebelum 31 Mac 2024
	Disember 2023	Sebelum 30 April 2024
	Januari 2024	Sebelum 31 Mei 2024
	Februari 2024	Sebelum 30 Jun 2024
	Mac 2024	Sebelum 31 Julai 2024

14. Bagi akaun kad kredit tambahan dan/atau pemegang akaun bersama CASA-i, Pulangan Tunai Bulanan dan/atau Ganjaran Utama akan diberikan kepada pemegang utama CASA-i dan/atau pemegang kad utama sahaja.
15. Bank berhak menyingkirkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad yang Layak atau membatalkan Pulangan Tunai Bulanan dan/atau Ganjaran Utama sekiranya terdapat transaksi yang berunsur penipuan, dibuat tanpa kebenaran atau dibalikkan atau berlaku pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini menurut dasar dalaman Bank. Semua rekod Bank berkenaan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

16. Pulangan Tunai Bulanan dan Ganjaran Utama tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan tunai, cek, kredit dan/atau barangan. Keputusan Bank berkenaan segala perkara berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat dan sebarang surat-menyurat, rayuan atau cubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan.
17. Waran perjalanan adalah sah sehingga 31 Julai 2025 dan ia boleh digunakan untuk menebus sebarang produk yang berkaitan dengan pelancongan oleh Holiday Tours & Travel Sdn Bhd. Penggunaan waran tersebut adalah tertakluk kepada surcaj semasa musim puncak, dan pemenang perlu menanggung beza kos tersebut sekiranya amaun yang ditebus melebihi amaun yang diberi. Penggunaan waran perjalanan adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat waran yang dikeluarkan oleh Holiday Tours yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

TERMA DAN SYARAT AM

18. Bank berhak mengubah tempoh, tarikh mula dan/atau tamat Tempoh Kempen setelah memberikan notis terlebih dahulu menerusi laman web bank.
19. Penyertaan Kempen adalah secara automatik bagi Pemegang Kad yang Layak, tertakluk kepada sama ada mereka memenuhi Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Pendaftaran, SMS atau borang penyertaan tidak diperlukan.
20. Pemegang Kad yang Layak selanjutnya bersetuju untuk memberi kerjasama dan memenuhi permintaan Bank bagi tujuan penganjuran, promosi dan pelaksanaan Kempen ini. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini kerana tindakan pemegang kad itu sendiri. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Pemegang Kad yang Layak dalam apa juga cara sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan mana-mana obligasinya di bawah Kempen ini secara langsung atau tidak langsung kerana kejadian force majeure termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekatan masuk kerja, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan Bank.
21. Terma dan Syarat Kempen ini serta keputusan Bank berkenaan segala hal yang berkait dengan Kempen ini adalah muktamad dan akan mengikat semua Pemegang Kad yang Layak, dan surat-menyurat dan/atau rayuan berkenaan dengannya tidak akan dilayan.
22. Bank berhak pada bila-bila masa untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, menurut dasar dalaman Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad yang Layak. Untuk mendapatkan versi Terma dan Syarat yang dikemas kini, sila layari www.alliancebank.com.my dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak konsisten atau bertentangan antara Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan versi yang telah dikemas kini, versi yang kemudian akan diterima pakai tetapi hanya setakat bahagian yang tidak konsisten atau bertentangan tersebut sahaja.
23. Produk yang Layak dan akaun Pemegang Kad yang Layak mestilah sentiasa (i) sah, mempunyai kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar mana-mana terma dalam Terma dan Syarat Kempen ini atau Terma Sedia Ada; dan (ii) tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, supaya layak memperoleh Pulangan Tunai Bulanan dan/atau Ganjaran Utama.
24. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Kempen ini atau penyingkiran Pemegang Kad yang Layak atau penarikan balik Pulangan Tunai Bulanan dan/atau Ganjaran Utama tidak akan melayakkan Pemegang Kad yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap ABMB atau bagi sebarang dan segala kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang

Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penamatan, penggantungan, pelanjutan, penyingkiran atau penarikan balik tersebut.

25. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti (termasuklah tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif, atau khas, atau prosiding yang dibawa oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak atau mana-mana pihak lain, yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini yang disebabkan oleh tindakan Pemegang Kad yang Layak itu sendiri.
26. Pemegang Kad yang Layak bertanggungjawab atas segala cukai, kadar, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka menurut undang-undang yang berkenaan, sekiranya ada, berhubung dengan Kempen ini.
27. Segala Terma dan Syarat termasuklah penambahan, pengeluaran, variasi dan/atau pindaan yang dibuat berkenaan dengannya dari semasa ke semasa adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan melainkan dipersetujui sebaliknya oleh Bank, pihak-pihak yang berkenaan dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif mahkamah kompeten di Malaysia.
28. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang bentuk kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, kesilapan elektronik dan/atau sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh MyDebit, Mastercard atau Visa International, syarikat saudagar, pos atau pihak berkuasa telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang boleh menjejaskan kelayakan Pemegang Kad yang Layak dalam Tempoh Kempen.
29. Terma dan Syarat Kempen ini merupakan tambahan kepada Terma dan Syarat sedia ada yang mentadbir Produk yang Layak bagi Pemegang Kad yang Layak yang diselenggarakan oleh Bank ("**Terma Sedia Ada**").
30. Pemegang Kad yang Layak dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran sepenuhnya yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk iklan dan/atau promosi yang terhad untuk Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak.
31. Pemegang Kad yang Layak dengan ini memahami dan memberi persetujuan bagi pengumpulan data peribadi, pemprosesan, penyimpanan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Pemegang Kad yang Layak (termasuklah tetapi tidak terhad kepada maklumat perhubungan), oleh Bank kepada sekutunya dan penyedia perkhidmatan sebagaimana perlu, bagi tujuan melaksanakan dan menjalankan perkhidmatan Kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, Data Peribadi merangkumi segala data yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuklah segala data yang telah anda dedahkan.
32. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Penyata Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf>) dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan perkhidmatannya oleh Bank bagi tujuan Kempen ini.
33. Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpulan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.

34. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

Pencegahan dan Pengurangan Penipuan dan 'Scam' Perbankan

35. Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk pengetahuan dan kesedaran Pemegang Kad yang Layak bagi membantu mencegah dan mengurangkan risiko penipuan dan scam. Ini termasuklah tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, pengemaskinian versi perisian/sistem pengendalian/aplikasi, dan ketetapan peraturan oleh badan pentadbiran yang berkenaan.
36. Pemegang Kad yang Layak mesti memastikan bahawa segala instrumen perbankan disimpan dengan baik, contohnya buku cek/kepingan cek, token keselamatan, kad debit, PIN bagi perbankan menerusi telefon, butiran keselamatan log masuk bagi perbankan internet dan mudah alih, dan kod pengesahan transaksi (TAC). Pemegang Kad yang Layak perlu memaklumkan kepada Bank dengan segera sebaik sahaja menyedari kehilangan mana-mana yang tersebut di atas atau berlakunya penggunaan tanpa kebenaran atau pengesahan yang sewajarnya. Pemegang Kad yang Layak tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap kerugian yang disebabkan oleh transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pemegang Kad yang Layak memaklumkan kepada Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pemegang Kad yang Layak yang dinyatakan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau diceroboh.
37. Sekiranya sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad yang Layak dikaitkan dengan kecuaiian yang disengajakan oleh Bank semata-mata, satu-satunya dan keseluruhan liabiliti yang ditanggung oleh Bank (sama ada berkenaan satu atau lebih tuntutan) terhadap Pemegang Kad yang Layak dari segi kontrak atau tort adalah tidak melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung yang dialami, mana-mana yang lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, turutan, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pelepasan pembayaran, award, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira kemungkinan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah diberitahu kepada, atau secara munasabahnyanya telah boleh dijangka oleh Bank.
38. Setelah dimaklumkan oleh Pemegang Kad yang Layak mengenai kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pemegang Kad yang Layak dikehendaki menyediakan maklumat dan kerjasama secukupnya untuk membantu siasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk mengambil langkah berikut sebaik sahaja kejadian tersebut dikesan (dengan/tanpa persetujuan pelanggan terlebih dahulu) untuk mengelakkan atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya semasa Bank membuat siasatan:
- i. Menggantung atau membekukan akaun yang berkenaan;
 - ii. Membatalkan atau mengeset semula akses perbankan internet atau mudah alih Pemegang Kad yang Layak; dan/atau
 - iii. Membatalkan kesahan instrumen perbankan; dan Pemegang Kad yang Layak akan dimaklumkan setelah yang di atas telah dilaksanakan.
39. Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.
40. Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i yang Layak adalah berasaskan konsep Syariah iaitu Tawarruq.